30 Tahun
Memajukan Malaysia

1994–2024
30 TAHUN

Menghargai Masa Lalu, Meraikan Hari Ini dan Membentuk Masa Hadapan

Mengenang kembali perjalanan sejak tahun 1994, kisah Khazanah telah berkembang seiring dengan pembangunan Malaysia. Selama bertahun-tahun, kami telah berevolusi melalui beberapa fasa, berpandukan tanggungjawab untuk menyokong kemajuan ekonomi dan sosial negara. Dalam memenuhi mandat kami sebagai pelabur strategik jangka panjang, kami telah berusaha untuk memainkan peranan menggalakkan daya tahan, memupuk inovasi dan memenuhi keperluan negara yang berubah-ubah. Kebanyakan daripada ini dapat dilakukan melalui kerjasama dengan rakan kongsi kami dalam dan luar sektor awam. Bersama-sama, kami terus belajar, mengadaptasi dan menyumbang mana saja mungkin untuk berbakti kepada kesejahteraan jangka panjang Malaysia.

Tonton filem "Khazanah Kita" sempena dengan Ulang Tahun Khazanah ke-30 di sini:
https://www.youtube.com/watch?v=vnr0JymEnz8

30 Tahun Memajukan Malaysia

Melabur dalam Kemajuan, Bersandarkan Tujuan

Berada pada tahap pencapaian tiga dekad, perjalanan kami melalui evolusi yang mantap daripada mengawasi sektor-sektor strategik seperti kewangan, penjagaan kesihatan, telekomunikasi dan penerbangan kepada memperluas ke peringkat global dan menyokong pendidikan dan inovasi pada peringkat tempatan. Kemajuan kami bukan dimiliki sendiri. Ia adalah hasil usaha kolektif yang dibentuk melalui kerjasama dengan rakan kongsi, penggubal dasar dan komuniti. Pada hari ini, peranan kami melangkaui melabur untuk pulangan. Ia adalah mengenai menyumbang secara bermakna kepada kemajuan negara dengan fokus kepada keterangkuman, kemampanan dan kemakmuran bersama. Kami kekal komited untuk menyokong pertumbuhan yang dapat meningkatkan kehidupan melalui tindakan yang memperkasakan komuniti, memupuk bakat dan memajukan amalan bertanggungjawab yang menguntungkan insan dan planet.

Khazanah Nasional, dibangunkan dari permulaan yang sederhana pada tahun 1994, mendukung tujuan yang jelas untuk menyumbang kepada perjuangan yang lebih besar daripada kita semua. Sebagai Dana Kekayaan Berdaulat Malaysia, kami dipertanggungjawabkan untuk mengawasi aset negara bersama dengan mandat yang jelas untuk memacu pengembangan strategik, termasuk menerokai peluang-peluang pelaburan baharu untuk memperkaya pertumbuhan sosial dan ekonomi Malaysia dan mengangkat martabat negara ke pentas dunia.

Kami melabur dalam pelbagai sektor pada peringkat tempatan dan antarabangsa dengan syarikat-syarikat pelaburan kami terus menjadi tonggak kejayaan untuk kami dan negara.

1994

3 September 1994

Khazanah memulakan operasi

- Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia diletakkan di bawah portfolio Khazanah
- Melaksanakan pembangunan Putrajaya melalui Putrajaya Holdings
- MAHB dan STLR diletakkan di bawah portfolio Khazanah
- Mula memainkan peranan pemangkin dalam pelaburan teknologi

2004

- Melancarkan jalur lebar berkelajuan tinggi oleh TM
- Pembentukan Axiata
- Penubuhan pejabat-pejabat serantau China dan India
- Pemerolehan Pos Malaysia
- Kajian kemungkinan pembangunan Iskandar Malaysia
- Sukuk boleh tukar TM diterbitkan (Sukuk boleh tukar patuh Syariah pertama kali diterbitkan oleh Khazanah)
- Penyelesaian pengambilalihan Southern Bank oleh CIMB
- Pelancaran Iskandar Malaysia
- Pelancaran pelan induk pembangunan Teluk Datai
- Pelancaran M+S
- Pelancaran sukuk Renminbi ("RMB") sulung (Sukuk RMB luar pesisir yang pertama dunia)
- Pelancaran sukuk SGD sulung
- Pelancaran LEGOLAND Malaysia di Iskandar Malaysia
- IHH menyertai tawaran awam awal (IPO)
- Penubuhan pejabat-pejabat serantau Turki dan AS

2014

- Penerbitan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) RM100 juta 7-tahun (Sukuk SRI denominasi RM pertama dunia)
- Penyempurnaan Program Transformasi GLC
- Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)
- Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) ditubuhkan

- Pemerolehan TIME dotCom
- Pemerolehan Proton Holdings
- Pemerolehan Westports Holdings
- UEM Group menjadi syarikat milik penuh
- Penyenaraian PLUS di KLSE
- Permulaan penstrukturan semula strategik Khazanah
- Membuat gelombang pelaburan luar negara pertama di Indonesia, China, India dan Arab Saudi
- Pelancaran Yayasan PINTAR
- Penubuhan Yayasan Khazanah
- Penubuhan Think City
- Penubuhan Yayasan Sejahtera
- Pelancaran Skim Pengurusan Kebolehgajian Graduan (GEMS)
- Cenviro menjadi syarikat milik penuh
- Pelancaran Pelan Pemulihan MAS
- Penubuhan Teach for Malaysia
- Penubuhan Yayasan AMIR
- Penubuhan Yayasan Hasanah (YH) dan Khazanah Research Institute (KRI)
- Sumbangan RM10 juta kepada usaha bantuan banjir
- Pelancaran Projek Taman Tugu
- Sumbangan RM20 juta kepada usaha bantuan banjir

30 Tahun Memajukan Malaysia

- Pembukaan The Westin Desaru Coast Resort
- Pembukaan Hard Rock Hotel & Resort, Pantai Desaru
- Pengambilalihan Hospital Prince Court melalui IHH
- Pengiktirafan Bretton Woods II Leaders Tersenarai sebagai satu daripada 25 Penguntuk Aset Paling Bertanggungjawab pada peringkat global
- Pelancaran tranche kedua Sukuk SRI
- Pelancaran Program Jangkauan Keusahawanan Khazanah Nasional
- Pembukaan Anantara dan One & Only, Pantai Desaru

- Pengumuman Dana Impak dengan komitmen RM6b
- Pelancaran Cabaran Inovasi Impak Khazanah - "Meningkatkan Mutu Perkhidmatan bagi Warga Emas di Malaysia"
- Pengumuman strategi penambahbaikan Memajukan Malaysia dengan tujuan untuk menghasilkan impak sosioekonomi dan mengukuhkan usaha pembangunan negara

- Kejayaan IPO Farm Fresh dengan nilai RM2.51b - salah satu IPO terbesar di Bursa Malaysia
- Perkongsian strategik dijalinkan dengan SK ecoplant untuk melonjakkan pertumbuhan Cenviro sebagai peneraju dalam pengurusan sumber serantau
- Penyelesaian penggabungan CelcomDigi, membentuk syarikat telekomunikasi terbesar di Bursa Malaysia

- Pelancaran UEM Lestra sebagai platform pelaburan hijau untuk melaksanakan Strategi Peralihan Tenaga Khazanah
- Pelancaran Cabaran Impak Inovasi Khazanah Kedua - "Menangani Cabaran Iklim untuk Keterjaminan Makanan Malaysia"
- Penubuhan 42 Malaysia (42MY) dengan Sunway Education Group untuk membangunkan bakat berkemahiran

- Meneruskan Pelaburan Strategik untuk Meningkatkan Ekosistem Semikonduktor Malaysia
- Pelancaran Jelawang Capital sebagai dana pelaburan national fund-of-funds untuk melonjakkan pertumbuhan ekosistem modal teroka Malaysia
- Konsortium diterajui oleh Khazanah dan KWSP mengumumkan tawaran bersyarat untuk MAHB
- Pelancaran inisiatif #BerbudiBersama untuk meraikan 30 Tahun Memajukan Malaysia

2014 — KINI

- Pelancaran Rangkaian Tindak Balas Bencana (GDRN) GLC/GLIC oleh YH and Yayasan TM untuk usaha bantuan COVID-19
- Sumbangan RM20 juta ke arah usaha bantuan COVID-19
- Pelancaran program MySTEP dengan kerjasama GLC dan pemain industri
- Pelancaran Rangka Kerja dan Sasaran Kemampanan Khazanah

- Pelancaran galeri seni maya Khazanah, Galeri Khazanah
- Serahan perjanjian tanah Taman Tugu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada Amanah Warisan Negara (AWAN)
- Pelancaran Program Pembangunan Belia (K-Youth) Khazanah

Pada tahun 2024, Khazanah memperkenalkan strategi pelaburan Malaysia bersandarkan rangka kerja "Sebuah Negara Berdaya Maju" tertumpu kepada 5 bidang utama:

- Mentransformasikan Firma-firma Meningkatkan produktiviti Malaysia & menyerlahkan penciptaan nilai melangkaui firma-firma
- Peralihan Tenaga Pemangkin untuk mencapai sasaran pelepasan sifar bersih Malaysia menjelang 2050
- Ketersambungan Meningkatkan ketersambungan Malaysia dan daya tarikan sebagai destinasi
- Pendigitalan Memulakan inovasi melalui pendigitalan dengan pelaburan dalam tonggak-tonggak utama
- Pembangunan Komuniti Membina Kapasiti dengan fokus kepada meningkatkan kemahiran dan belia yang tidak digunakan sepenuhnya dalam pekerjaan pada masa hadapan

Tatkala kami maju ke hadapan pada tahun 2024 dan meraikan ulang tahun ke-30, kami akan meneruskan strategi Memajukan Malaysia dengan mengoptimumkan prestasi portfolio jangka panjang dan memberikan impak sosioekonomi kepada negara.

Ia termasuk pendekatan serampang berbilang mata melalui pelan penciptaan nilai untuk memacu nilai dalam aset Malaysia dan mencipta kepelbagaian yang cukup untuk mendepani semua jenis iklim. Pada peringkat global, kami kekal komited terhadap pendekatan mengimbangi semula portfolio berdisiplin dalam pelaburan kami, mewujudkan impak masyarakat jangka panjang melalui projek-projek Dana Impak, mencipta masa depan mampan melalui amalan mampan dan menghasilkan nilai masyarakat dengan membangunkan kapasti dan komuniti yang berdaya maju.

Usaha dan komitmen kami terhadap pihak berkepentingan akan terus sejajar dengan matlamat untuk memupuk pertumbuhan inklusif dan nilai mampan untuk semua rakyat Malaysia.